

Perkasa pusat tarbiah insan



Ibu bapa sedar kepentingan ilmu sedia bantu guru didik anak

Harini pendidikan awal anak telah direncana dengan begitu sistematik dan teratur sesuai dengan kemampuan generasi baru. Kesedaran ibu bapa memulakan pendidikan anak pada peringkat awal dengan memperkenalkan mereka kepada Yang Maha Mencipta.

Itu adalah sebaik-baik cara yang sepatutnya mereka lakukan. Firman Allah SWT: "Bacalah dengan nama Tuhan-Mu yang menjadikan sekalian makhluk. Tuhan yang menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhan-Mu yang maha pemurah. Tuhan

yang mengajar manusia menulis dengan kalam. Tuhan yang mengajar manusia apa yang manusia tidak mengetahuinya." (Surah al-Alaq, ayat 1-5)

Proses penerokaan

Jelaslah dalam konteks manusiawi, pendidikan bermula daripada proses penerokaan (menggunakan akal) yang perlu disertai asas agama yang kukuh. Antaranya memulakan proses pencarian ilmu dengan mengenali Allah serta menyebut nama Allah untuk mendapatkan kerediaan-Nya.

Orang yang mencari ilmu atau melakukan apa juga perbuatan, jika dimulakan dengan nama Allah SWT, insya-Allah akan dapat mengelak terpesong daripada matlamat sebenar. Setiap pelajar contohnya, mengharapkan kejayaan, tetapi tidak tahu bagaimana untuk berjaya.

Ada segelintir diserahkan bulat-bulat oleh ibu bapa kepada guru untuk dibimbing, dididik menjadi orang berguna sehinggalah mereka mendapat

keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Apabila anak berjaya, ibu bapalah orang yang paling gembira hingga terlupa bagaimana anak mereka berjaya.

Pertaruhkan ilmu

Malangnya, apabila tidak lagi menghuni sekolah, anak akan membawa haluan sendiri, mencorak masa depan sesedap hati, sehingga akhirnya mempertaruhkan ilmu yang dicari. Kemudian menjalani kehidupan tanpa ada guru yang membimbing.

Terdapat ramai ibu bapa yang menyedari pentingnya perhatian mereka terhadap anak, membantu guru memperkasakan sekolah dan persatuan, mengambil tahu aktiviti anak serta tidak lokek masa untuk menjengok anak di sekolah.

Tentulah anak berasa bangga dan besar hati dengan perhatian yang diberikan ibu bapa, lalu menaruh cita-cita untuk membuktikan kemampuan diri kepada senua, berbaloi dengan apa yang

dilakukan ibu bapa terhadap mereka.

Pusat pengajian atau 'kilang' menghasilkan insan ini tentunya tidak sama dengan tempat lain yang mungkin infrastrukturnya, organisasinya serta pentadbirannya tidak jauh berbeza tetapi hasil yang dikeluarkan tidak sama.

Sekolah melahirkan manusia yang terdidik dan berilmu, tidak sama seperti kilang pengeluaran yang menitikberatkan penghasilan menepati piawai serta boleh diukur dengan standard kualiti zahirnya, iaitu mesti tiada cacat cela.

Manusia tidak boleh diukur dengan fizikal yang serupa untuk menentukan kualiti. Cacat cela zahirnya pula tidak mengesahkan mereka bodoh dan tidak berakhlak.

Pusat tarbiah insan

Itulah susahnya menjadi pendidik yang perkasa pusat pentarbiahan insan kerana mereka mesti melahirkan manusia yang mempunyai mental dan peribadi berkualiti tinggi yang tidak boleh diukur dengan pandangan mata.

Guru yang bakal meneruskan tarbiah kepada anak-anak yang terdidik dengan permulaan yang baik tentunya tidak mempunyai masalah. Tambahan pula, mencari ilmu adalah tuntutan agama kerana ia aset dan bekalan setiap individu dalam mengharungi kehidupan penuh liku.

Sabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang ingin kebahagiaan di dunia, maka perlu berilmu. Sesiapa yang inginkan akhirat, maka perlu dia berilmu. Dan sesiapa yang inginkan dunia dan akhirat, maka perlulah dia berilmu." (Riwayat Muslim)

Justeru, setiap ibu bapa perlu memulakan pendidikan awal anak dengan membina asas akidah yang benar dan memahamkan mereka hakikat ketuhanan serta pengabdian hamba.

Paling penting, kalimah tauhid perlu diperkenalkan seawal anak mula memahami bahasa pertuturan dan tahu mengadapkasinya. Seterusnya, maka perlu diasuh untuk mencintai Allah dan merasa sentiasa di awasi supaya mereka tahu membawa diri.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia